

☒ Harian Metro
☐ Metro Ahad
Tarikh: 31/5/2012
Hari: KHAMIS M/S: 26
Ruangan: SEREMBAT



RASMI...Dr Mohamed Mustafa (dua dari kiri) melancarkan majlis prapelancaran konvensyen.

Sidang bincang peranan ahli akademik negara Islam

KUALA LUMPUR: Konvensyen Pertubuhan Sekolah Perniagaan Negara Islam Sedunia (WaiBS) yang bakal berlangsung julung kalinya pada 8 dan 9 Julai depan akan membincangkan mengenai peranan ahli akademik dalam menangani isu dan masalah dihadapi negara Islam.

Antara isu akan dibincangkan termasuk perniagaan, pengurusan, pembangunan serta ekonomi.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak berkata, ke-

munduran dan kemiskinan dilihat sebagai masalah utama yang menyekat pembangunan negara Islam justeru, isu itu turut menjadi antara fokus utama perbincangan.

Menurutnya, ketika ini 22 daripada 57 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berada dalam kelompok berpendapatan rendah, 20 daripadanya dikategorikan negara berpendapatan sederhana, lapan negara berpendapatan pertengahan tinggi dan hanya tujuh negara berpendapatan tinggi.